



'Kraken' tiada di Malaysia - Dr Noor Hisham

Oleh Irwan Shafrizan Ismail - Januari 10, 2023 @ 12:20pm
bhnews@bh.com.my

PUTRAJAYA: Tiada subvarian coronavirus baharu, iaitu 'Kraken' atau Omicron XBB.1.5 dikesan di Malaysia, setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pemantauan lanjut terus dijalankan terhadap XBB 1.5 yang kini menjadi rantaian dominan di Amerika Syarikat (AS).

"Kita masih memantau sama ada XBB 1.5 ada kesannya dari segi keparahan dan penularan. Setakat ini ia belum dikesan lagi dalam negara.

"Namun, pemantauan lanjut akan terus dijalankan dan kita juga akan bekerjasama dengan negara lain untuk melihat dari segi penularan dan keparahan varian ini," katanya di sini hari ini.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), XBB.1.5 ialah keturunan subvarian Omicron XBB yang terjadi daripada persilangan di antara dua strain terdahulu, BA.2.75 dan BA.2.10.1.

Pakar menggelarkan strain Omicron XBB.1.5 ini dengan nama 'Kraken' yang berpotensi mencetuskan gelombang besar COVID-19. WHO dilaporkan sedang membuat penilaian risiko strain XBB.1.5.

Meskipun kehidupan sudah hampir kembali kepada keadaan normal selepas dua tahun dalam pandemik, subvarian baharu XBB.1.5 mengancam kemajuan itu.

Strain Kraken ini dipercayai lebih mudah berjangkit dan mampu mengelak daripada perlindungan vaksin dan jangkitan lama, lapor agensi berita news.com.au.

WHO melabelkan strain itu sebagai 'subvarian paling mudah berjangkit yang pernah dikesan', dengan XBB.1.5 menjadi punca sebahagian besar jangkitan di AS.

Subvarian itu turut dikesan di Australia, United Kingdom (UK) dan beberapa negara Eropah lain seperti Denmark, Perancis, Jerman dan Sepanyol. Subvarian itu masih belum ditemui di New Zealand.